

25 FEB 1999

Samy-Sabah

KESEMUA 36 ANGGOTA JAWATANKUASA KERJA PUSAT MIC KE SABAH

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Kesemua 36 anggota jawatankuasa kerja pusat (CWC) MIC akan ke Sabah untuk berkempen bagi membantu Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya negeri yang diadakan bulan depan, kata presidennya Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini.

Beliau berkata keputusan untuk menghantar anggota CWC ke Sabah dibuat pada mesyuarat jawatankuasa kerja pusat parti itu yang dipengerusikannya di sini hari ini.

"Terdapat 3,400 pengundi India di Sabah dan kita akan pastikan undi ini diberikan kepada BN untuk terus memerintah Sabah," katanya pada persidangan berita selepas mesyuarat lebih dua jam itu.

Beliau berkata satu konvensyen MIC Sabah akan diadakan pada 7 Mac yang akan dihadiri kira-kira 1,000 anggota di negeri itu dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"MIC akan mengatur segala strategi untuk memastikan setiap pengundi keturunan India di Sabah memilih BN untuk terus menerajui kerajaan negeri demi pembangunan rakyat Sabah," katanya.

Samy Vellu juga berkata Kabinet telah mengarahkan supaya kajian dijalankan terhadap Koperasi Permodalan Tanah Nasional berikutan langkahnya membayar gaji bulanan kepada pekerja ladangnya sejak Januari lepas.

"Kejayaan koperasi ini yang mempunyai 16 ladang akan menjadi contoh kepada ladang lain dan akan menjadi asas kepada tuntutan kita supaya syarikat perladangan membayar gaji secara bulanan kepada pekerja mereka," katanya.

Beliau berkata hasil kajian selama enam bulan itu akan dapat menerangkan kebaikan dan keburukan membayar gaji secara bulanan serta masalah yang dihadapi majikan dalam melaksanakan sistem itu.

Katanya laporan itu akan diserahkan kepada Kementerian Sumber Manusia sebelum kabinet mengambil keputusan sama ada untuk mengarahkan atau tidak syarikat perladangan membayar gaji secara bulanan.

MIC, katanya, sekali lagi meminta supaya majikan mempertimbangkan dengan segera supaya membayar gaji secara bulanan kepada pekerja ladang demi memastikan supaya sektor pertanian terus berkembang dan menyumbang kepada negara.

-- BERNAMA

MT AHH AKD